

08/09/2004

700 CEO dijangka sertai ICC 2005

SERAMAI 700 Ketua Eksekutif (CEO) tempatan dan luar negara akan menyertai Persidangan CEO Antarabangsa 2005 (ICC 2005) di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, pada 27 hingga 30 Mac tahun depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka merasmikan persidangan itu manakala majlis penutup dan sesi dialog disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

ICC 2005 dianjurkan oleh agensi kerajaan negeri iaitu Kumpulan Yayasan Sabah manakala pengurus acara persidangan antarabangsa itu adalah Institut Strategi dan Kepemimpinan Asia (Asli).

Sementara itu, tujuh syarikat menjadi penaja iaitu, New Straits Times (NST), TV3, Sutera Harbour Resort, Standard Chartered, Shell Malaysia, Penerbangan Malaysia (MAS) dan The New Sabah Times.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, berkata persidangan itu dapat mendedahkan peserta kepada sistem ekonomi baru berikutan era globalisasi yang mewujudkan ekonomi global.

Katanya, dalam era globalisasi, pasaran perniagaan adalah besar, terbuka luas dan banyak sumber berpotensi untuk diterokai yang memerlukan persaingan.

Sehubungan itu, beliau berkata, persidangan seumpama itu bersesuaian dengan era globalisasi yang memerlukan hubungan perniagaan yang baik di antara organisasi.

Pada masa sama, katanya, delegasi juga dapat menimba pengalaman mengenai pengurusan perniagaan yang diamalkan di antara sebuah organisasi dengan lain, sekali gus mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang terbabit.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan kehadiran semua CEO antarabangsa dan tempatan ke negeri ini," katanya pada sidang akhbar untuk mempromosikan persidangan itu di Kota Kinabalu, semalam.

Hadir sama, Pengarah Yayasan Sabah, Tan Sri Datu Khalil Datu Jamalul dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir. Musa yang juga Menteri Kewangan negeri adalah pengerusi Jawatankuasa Induk Penganjur ICC 2005.

Antara objektif persidangan itu adalah untuk mendedahkan kepada perwakilan berkaitan potensi ekonomi di wilayah ini dan global yang membabitkan perwakilan seperti CEO, pengarah, peniaga dan ahli akademik.

Antara ahli panel dan pembentang kertas kerja ialah bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Musa Hitam dan Pengarah Eksekutif Institute of Future Studies for Development Thailand, Prof Dr Kriengsak Chareowangsak.

Musa turut mengakui persidangan itu mampu menarik kehadiran pelabur asing dan tempatan untuk menceburi sektor perniagaan di wilayah ini.

Bagi Sabah, katanya, CEO luar negara dan tempatan tidak perlu risau kerana tahap keselamatan adalah terjamin dan selepas persidangan mereka boleh menikmati keindahan alam semula jadi negeri ini.

(END)